

# SEKITAR



EDISI 8 : 15 - 30 APRIL 2016

## RASIONALISASI PERKHIDMATAN AWAM



Taklimat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 2016

ms3



Kunjungan Hormat Timbalan Menteri KPWK ke atas KPPA

ms2



JPA4U Ceria: Projek 3C - Care, Charity, Cherish

ms2



Sesi Amanat TKPPA (P) Kepada Penerima HLP Sesi 2016

ms4

## Perjumpaan dengan YB Timbalan Menteri KPWKM



**PUTRAJAYA, 21 APRIL 2016** - YBhg. Tan Sri KPPA telah menerima kunjungan hormat dari YB Datuk Hajah Azidah Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun, Timbalan

Menteri Kementerian Pembangunan Wanita, Kebajikan dan Masyarakat. Sesi perjumpaan ini telah diadakan di Bilik Mesyuarat Eksekutif Aras 13, Blok C1, JPA.

## Kunjungan Hormat Naib Canselor USM ke atas KPPA



**PUTRAJAYA, 21 APRIL 2016** - Pada hari yang sama, YBhg. Tan Sri KPPA juga telah menerima kunjungan hormat daripada Profesor Dato' Dr. Omar Osman, Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM).

Kunjungan hormat ini adalah tanda penghargaan pihak USM di atas kesudian YBhg. Tan Sri KPPA dalam menjayakan program Syarahan Perdana Transformasi Perkhidmatan yang telah diadakan di USM awal April lalu.

## JPA4U Ceria: Projek 3C - Care, Charity, Cherish

**PUTRAJAYA, 22 APRIL 2016** - Berlangsung di Lobi Blok C3, Kompleks C, JPA, Bahagian Transformasi Sektor Awam telah menganjurkan program Projek 3C - Care, Charity, Cherish yang berkonsepkan *free market*.

Projek 3C - Care, Charity, Cherish ini dilaksanakan bersempena dengan saranan dari amanat YBhg. Tan Sri KPPA 2016 yang bertemakan tahun keseronokan bekerja di bawah inisiatif JPA4U Ceria.



## Sesi Perbincangan KPPA bersama Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak



**PUTRAJAYA, 26 APRIL 2016** - Sesi Perbincangan KPPA bersama Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak, YBhg. Tan Sri Datuk Amar Haji Mohamad Morshidi bin Abdul Ghani di Bilik Mesyuarat KPPA, Blok C1, Kompleks

C, JPA. Pengarah Bahagian Pembangunan Organisasi, YBhg. Dato' Haji Mansor Man, dan Pengarah Bahagian Pasca Perkhidmatan, YBhg. Datuk Yeow Chin Kiong juga turut hadir dalam sesi perbincangan tersebut

## Sesi Amanat TKPPA (P) Kepada Penerima HLP Sesi 2016



**SERDANG, SELANGOR, 26 APRIL 2016** - sesi Amanat TKPPA (P) sempena Majlis Taklimat Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) dan Cuti Belajar Bergaji Penuh Tanpa Biasiswa (CBBPTB) Sesi 2016 telah diadakan di Dewan Bankuet, Universiti Putra Malaysia dan telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Jalil Bin Marzuki, TKPPA (P).

Seramai 550 penerima-penerima Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) dan Cuti Belajar Bergaji Penuh Tanpa Biasiswa (CBBPTB) hadir bagi sesi ini di mana 450 orang terdiri dari peserta program sarjana (*Masters*) dan 100 orang lagi terdiri daripada peserta program kedoktoran falsafah (PhD.).

## Taklimat Pertandingan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOSC)



**PUTRAJAYA, 27 APRIL 2016** - Sesi Taklimat Pertandingan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOSC) telah diadakan di Auditorium JPA dan telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Raihan Sharif, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Operasi).

awam di peringkat Persekutuan, Negeri, Daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). NBOSC kategori Perkhidmatan Awam juga membuka penyertaan kepada warga Malaysia yang berusia 16 tahun ke atas termasuk pelajar-pelajar peringkat Institut Pengajian Tinggi Awam/Swasta.

NBOSC telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 3 April 2016 di Borneo *Convention Center* Kuching (BCCK) sempena dengan Pelancaran Program Gabungan Rakan Entreprenuer Aspirasi Terhebat (GREAT). Inisiatif NBOSC ini mensasarkan penyertaan seluruh penjawat

Hadiah wang tunai melebihi RM100,000.00 ditawarkan kepada para pemenang termasuk RM50,000.00 Dana Permulaan untuk pemenang tempat pertama bagi Agensi Pelaksana yang berkaitan.

## Taklimat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 2016



**KOTA KINABALU, SABAH, 28 APRIL 2016** - Susulan daripada Majlis Taklimat Pelaksanaan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 2016 yang telah diadakan di Auditorium JPA, Putrajaya pada 14 April yang lalu, sebuah majlis taklimat bagi Perkhidmatan Awam di negeri Sabah telah diadakan di Auditorium Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah (KPKPS).

Majlis taklimat ini telah dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri KPPA sendiri dan turut dihadiri oleh Pengarah Bahagian Pembangunan Organisasi, Pengarah Bahagian Perkhidmatan, Pengarah Bahagian Pasca Perkhidmatan dan Pengarah Bahagian Saraan JPA bagi mengulas dan menjawab pertanyaan dan persoalan yang telah diajukan oleh penjawat awam negeri mengenai pelaksanaan pekeliling baharu ini.

**1**  
**MEI**

SELAMAT MENYAMBUT  
**HARI PEKERJA**  
**2016**

**PEKERJA BERKEMAHIRAN PENGGERAK EKONOMI**

[www.jpa.gov.my](http://www.jpa.gov.my) [f](#) Jabatan Perkhidmatan Awam [t](#) @jpa2day [v](#) Jabatan Perkhidmatan Awam [i](#) @jpa2day

**IKUTI KAMI**  
JPA



[www.jpa.gov.my](http://www.jpa.gov.my)



Jabatan  
Perkhidmatan Awam



@jpa2day



Jabatan  
Perkhidmatan Awam



@jpa2day

Blok C1, C2 & C3, Kompleks C, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62510 W.P. Putrajaya, Malaysia. | Telefon : +603 8000 8000  
Sumbangan Berita : Warga JPA | Penerbitan : Komunikasi Korporat | Percetakan : Unit Dokumentasi JPA

**PENERAJU TRANSFORMASI PERKHIDMATAN AWAM**